



JABATAN AIR NEGERI SABAH

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada petender-petender untuk membuat tawaran bagi Perolehan Kerja berikut:

No. Rujukan Tender	Tajuk Projek	Gred, Kategori dan Pengkhususan/Kelas, Tajuk dan Tajuk kecil	Harga Dokumen/ Tempat Bayaran	Jenis Tender	Tarikh Melapor diri, Masa & Tempat bagi Taklimat/Lawatan Tapak
JANS/HQ: 1000-1/1/13	Penggantian Pam Air Terawat Di Loji Rawatan Air Daerah Lahad Datu (Reka & Bina)	Berdaftar dengan PUKONSA yang masih SAH tempoh pendaftaran Kelas C Sahaja Tajuk I, Tajuk Kecil 1 Tajuk III, Tajuk kecil 4 Dan Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah Dan Memegang Lesen Pemasang Paip/Lesen Pemasang Sesalur Jabatan Air Negeri Sabah yang masih sah	RM100.00 sahaja Pembayaran Hendaklah dibuat: Secara tunai Kepada Penerima Pembayaran Kaunter Pungutan Hasil Pejabat Jabatan Air Gaya Park Kota Kinabalu	TERBUKA	Tarikh : 05 Mac 2025 (Rabu) Masa : 10.00 Pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Utama Ibu Pejabat II (Putatan) Jabatan Air Negeri Sabah
					1. Petender WAJIB hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan seperti di atas. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan kepada Petender yang gagal menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak pada Tarikh dan masa yang telah ditetapkan. 2. Hanya Penama yang dinamakan di dalam sijil PUKONSA sahaja yang dibenarkan menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak bagi projek ini.

Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender	:	10 Mac 2025 – 24 Mac 2025		
		Isnin – Khamis	:	8.30 Pagi – 12.00 Tengahari 2.00 petang – 5.00 petang
		Jumaat	:	8.30 Pagi – 11.00 Pagi 2.00 Petang – 5.00 petang
Tarikh Tutup Tender	:	24 Mac 2025 (Isnin – Jam 10.00 pagi)		
Tempat Memasukkan Tender	:	Peti Tawaran Lembaga Tawaran Negeri Sabah Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bahagian Perolehan & Harta Awam Tingkat 1, Blok C, Menara Kinabalu Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat 88400 Kota Kinabalu		

1. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada **Pemilik Atau Wakil yang sah sahaja** dengan membawa 'SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen tender bagi pihak syarikat.
2. Dokumen-dokumen berikut, yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender, adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Tender:-
 - 2.1 Sijil Asal 'PUKONSA'
 - 2.2 Perakuan Pendaftaran CIDB
 - 2.3. Perakuan Pendaftaran Lesen Pemasang Paip/Lesen Pemasang Sesalur Jabatan Air Negeri Sabah
 - 2.4. Kad Pengenalan
 - 2.5. Salinan Sijil seperti tersebut di perenggan 2.1, 2.2, 2.3 & 2.4 yang belum disahkan
3. Pemilik sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:-
 - 3.1. Nama Pemilik Syarikat yang telah **DISAHKAN** oleh pihak PUKONSA dan
 - 3.2. Resit **ASAL** Penjelasan Pembayaran Kelulusan.
4. Borang Lawatan Tapak boleh diperolehi di:-

Semasa Taklimat Tender dilaksanakan di
Bilik Mesyuarat Utama
Ibu Pejabat II (Putatan)
Jabatan Air Negeri Sabah

5. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi semasa waktu pejabat mulai **10 Mac 2025** di:-

Kaunter Penjualan Dokumen Tender
Tingkat Bawah Jabatan Air, Gaya Park
Kota Kinabalu

6. Semua Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan tender dan dialamatkan kepada:-

Setiausaha
Lembaga Tawaran Negeri Sabah
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Bahagian Perolehan & Harta Awam
Tingkat 1, Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 Kota Kinabalu

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada petender-petender yang mematuhi Syarat-syarat berkaitan. Sebarang maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman web Jabatan Air Negeri Sabah, **sabah.gov.my/air**.

PENGARAH JABATAN AIR NEGERI SABAH